

Mujahid Islam, Kartosuwirjo Sahid¹ di dalam Perjuangannya

Kartosuwirjo, seorang mujahid Islam Indonesia, yang semenjak dari tahun 1949 berjuang untuk menegakkan negara Islam di Indonesia telah ditembak mati oleh Sukarno apabila sahaja ia ditangkap dan dihukum sebagai “penderhaka atau gerombolan” yang melawan Sukarno. Perjuangan yang dijalankan oleh Kartosuwirjo, bukannya mencari nama tetapi sebagai suatu jihad untuk menegakkan negara Islam (Darul Islam) di Indonesia. Ia mengangkat senjata selama 14 tahun melawan kekuasaan Sukarno dengan serba kekurangan, kerana ia mempunyai keyakinan bahawa negara Islam tidak akan dapat ditegakkan di Indonesia kalau tidak dimandikan dengan darah. Ia cukup mengenal peribadi-peribadi yang dihadapinya dan cukup mengenal sebahagian daripada pemimpin-pemimpin Islam di Indonesia sendiri yang jadi munafik kerana menjaga masalahat diri dan suka melembutkan giginya daripada lidahnya disebabkan sesuatu keperluan untuk faedah diri mereka sendiri.

Kartosuwirjo, yang tabah dan terus-menerus berjuang, tidak mahu menyerah kalah selama 14 tahun berkeyakinan bahawa perjuangannya menegakkan negara Islam di Indonesia adalah suatu jihad, jihad akbar! Ia cukup yakin akan yang demikian sebagai suatu jihad dan sebab itulah ia terus-menerus berjuang, walaupun beberapa orang sahaja lagi teman-temannya yang tinggal. Selama 14 tahun Sukarno dengan kekuasaannya baharu dapat menangkapnya setelah mengadakan kepungan bambu.

Cara kepungan bambu ini disusun oleh Jeneral Haris Nasution. Tiap-tiap malam, segala jalan dan lorong, di mana tempat Kartosuwirjo berada dipasang bambu dan orang-orang serta bala tentera dikerah mara berapat-rapat dari satu masa ke satu masa tiap-tiap malam sehingga tempat bergerak Kartosuwirjo semakin sempit, rakyat, mahu tidak mahu, dipaksa bersama-sama melakukan kepungan terhadap mujahid besar yang mahu menegakkan Darul Islam di Indonesia. Akhirnya Kartosuwirjo dapat tertangkap dan kemudian dihukum bunuh, setelah dituduh sebagai penderhaka kepada cita-cita pancasila Sukarno yang sekarang bertukar pula dengan dasar NASAKOM (persatuan di antara kebangsaan, agama dan *Communist*). Hati Sukarno telah puas tetapi apakah tidak ada bangsa Indonesia yang bakal menggantikan mujahid besar ini untuk menegakkan negara Islam di Indonesia?



Kiyai Muhammad Isa Anshary salah seorang anggota

Masyumi yang telah dikurung oleh Sukarno.

Mujahid Islam yang telah syahid ini dari semenjak badan-badan siasah Islam masih kuat berkeyakinan bahawa perjuangan menegakkan negara Islam tidak akan tercapai selagi pemimpin-pemimpin Islam masih “banyak berfikir dan menimbang dan tidak berani tegas di dalam perjuangannya” untuk menyampaikan cita-cita negara Islam. Sebagai anggota Dewan Majlis Islam A’lā Indonesia, Kartosuwirjo

¹ Perkataan sebenar ialah Syahid

telah faham akan keadaan setengah-setengah pemimpin Islam Indonesia yang terlampau banyak “pertimbangan” di dalam melaksanakan kewajipan mereka menegakkan negara Islam dan menyerahkan kedudukan mereka di bawah pemimpin yang diketahuinya bukannya berjiwa Islam dan bercita-cita berjuang kerana Islam seperti Sukarno dan Mohammad Hatta.

Apa yang difahamkan oleh Kartosuwirjo ini benar! Masyumi, parti yang kuat sekali, sesudah penyerahan kedaulatan telah dapat memerintah. Pada masa itu, Muhammad Natsir, Ketua Umum Masyumi jadi Perdana Menteri.

Dengan sifat sebuah kerajaan demokrasi, yang memberikan kekuasaan kepada parti pemerintah untuk menjalankan pertadbiran negeri, Muhammad Natsir telah menegur pidato-pidato Sukarno yang dibuat dengan semau-maunya yang membawa akibat-akibat yang tidak baik kepada bangsa Indonesia dan meruntuhkan ekonomi Indonesia. Pertengkaran mulut terjadi.

Melihat cara ini Sukarno mencari jalan lain lalu menggunakan Kiyai Wahab Hasbullah sebagai alat untuk memecahkan persatuan umat Islam yang berdiri bersama-sama di dalam Masyumi. Sukarno berjaya! Kiyai Wahab bersama-sama Nahdatul Ulama keluar dari Masyumi, bersendirian kerana menjaga maslahat diri dan mencari faedah untuk partinya. Kalau tadinya parti Islam kompak, sekarang telah pecah dan dengan sendirinya Nahdatul Ulama mendapat “layanan” Sukarno. Parti inilah hingga sekarang boleh diumbang-ambingkan oleh Sukarno sebagai sebuah “Parti Islam” yang boleh bekerjasama dengan apa-apa badan sekalipun walaupun dengan *Communist*.

Dalam pada itu, Masyumi terpaksa berjalan dengan badan-badan yang ada bersama-samanya sebagai pendukungnya. Di dalam menghadapi lawan selalu benar Masyumi mengadakan “kompromi” (berdamai) untuk duduk bersama-sama dengan lain-lain parti di dalam pemerintahan. Di dalam pada itu Sukarno makin menguatkan kedudukannya setelah melihat lawannya telah lemah. Akhirnya Masyumi diharamkan dan dengan itulah Masyumi dilumpuhkan.

Tinggallah sekarang yang dinamakan “parti Islam” ialah Nahdatul Ulama yang tidak mempunyai perdirian yang tegas di dalam perjuangan. Ia hanya menyokong segala apa yang dikehendaki oleh Sukarno sehingga ia mengikut kemahuan Sukarno bersama-sama di dalam “NASAKOM”nya yang bertentangan dengan jiwa Islam dan pengajaran Islam.

Pemimpin-pemimpin Masyumi disingkirkan dan setengahnya dipenjarakan atau sekurang-kurangnya ditahan di dalam rumah dengan dikawal oleh “Giyugun-giyugun” Sukarno. Jiwa dan nyawa pemimpin-pemimpin Masyumi pada bila-bila masa adalah terancam dan sentiasa di hujung pedang. Sudahlah gerakan mereka lumpuh dan lemah tetapi disiksa begitu rupa sehingga segala sesuatunya disekat. Sudah terang bahawa selagi Sukarno hidup ia akan menghabiskan musuh-musuhnya hingga ke akar-akarnya sekali untuk menegakkan kedudukannya di dalam negara Indonesia sebagai diktator.

Perjuangan-perjuangan Darul Islam di tiga tempat (di Sulawesi, di Jawa Barat dan di Aceh) adalah merupakan satu cita-cita yang melihat dan nampak bagaimana rosaknya kedudukan umat Islam selagi Sukarno memerintah apalagi di dalam pemerintahan memberi muka kepada *Communist*.

Sukarno menggunakan *Communist* untuk menegakkan perjuangan umat Islam. Peristiwa peribadi Sukarno di Moscow adalah senjata *Communist* yang kuat untuk menundukkan Sukarno meraikan kemahuan-kemahuan *Communist*.

Ini semuanya dilihat oleh Kartosuwirjo. Ini dipandangannya lebih dahulu dan sebab itulah ia terus-menerus berjuang melawan dengan keyakinan bahawa negara Islam tidak akan dapat didirikan di Indonesia di dalam medan siasah. Umat Islam akan dijajah dan di Indonesia yang keadaannya lebih buruk daripada di zaman penjajahan.

Di masjid-masjid tidak bebas lagi berkhotbah Jumaat. Khutbah-khutbah mesti disiapkan lebih dahulu untuk memuja-muja negara dan memuja-muja Sukarno. Padahal setiap saat perbuatan asi berjalan dan berlaku. Segala-galanya mengenai

agama hanya untuk alat semata-mata untuk menipu rakyat dan dunia.

“Sampai berapa lamakah Sukarno bermaharajalela”,

kata Hatta. Sampai berapa lama tidak diketahui tetapi

umat Islam di Indonesia wajib bergerak dan

menghapuskan anasir-anasir ini. Kalau *Communist* berkuasa

maka peristiwa Madiun akan dirasa semula oleh umat

Islam di Indonesia kelak, iaitu pemimpin-pemimpin agama akan

jadi korban. Umat Islam tidak hanya berdoa, tetapi

wajib beramal.

Kalau Kartosuwirjo telah gugur maka hendaklah ada

pula mujahid-mujahid lain sebagai gantinya mengambil perjuangannya

untuk menegakkan kalimah Allah!

Wahai umat Islam berdoalah semoga Allah menerima

jihad hamba-Nya Kartosuwirjo dan mengadakan gantinya

untuk menegakkan kalimah Tuhan di negara Indonesia yang telah

hampir binasa itu.

Semoga pencinta-pencinta Islam mengadakan sembahyang

ghaib bagi mujahid-mujahid Islam ini beserta kawan-kawannya.



Pengetua Kulliyah al-Shar'iyah Afghanistan sedang beramah-tamah dengan al-Shaykh Shaltut pengetua Universiti al-Azhar tatkala ia melawat Mesir.